

MRT Laluan Kedua diteruskan

KUALA LUMPUR 15 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menegaskan pelaksanaan projek pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Kedua tetap akan diteruskan walaupun negara sedang berhadapan dengan cabaran ekonomi yang sedikit sebanyak menjejaskan bajet kerajaan.

“Ini jelas sekali menunjukkan bahawa Malaysia bukanlah satu negara yang gagal seperti yang dituduh oleh sebilangan ahli politik tertentu dan kerajaan tidak sama sekali menghadapi apa-apa krisis kewangan.

“Sebaliknya, ini membuktikan bahawa kerajaan mengutamakan inisiatif-inisiatif tertentu dalam rancangan pembangunan negara dan saya tegaskan sekali lagi bahawa kita akan terus berbelanja hanya secara berhemat dan patut,

terutamanya dalam projek-projek yang berpaksikan rakyat seperti infrastruktur dan pengangkutan,” katanya menerusi catatan terbaharunya di laman sosial Facebook beliau hari ini.

Beliau berkata, kerajaan ingin memastikan bahawa pembinaan ini dapat disempurnakan dengan lancar dan membawa manfaat kepada semua secara saksama dari segi peluang pekerjaan dan pendapatan selain penggunaan perkhidmatan MRT bagi laluan ini oleh orang awam kelak.

“Bagi MRT Laluan Pertama, sebagai sebahagian daripada inisiatif memastikan agenda ekonomi bumiputera terpelihara, sebanyak 43 peratus daripada nilai keseluruhan pakej pembinaan telah diberikan kepada kontraktor bumiputera,” katanya.